



MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022

TAJUK

SISTEM KERTAS SIASATAN ELEKTRONIK



X KUMPULAN
LEX LEGIS

ORGANISASI
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BIDANG
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
KATEGORI
PENCIPTAAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK

M / S

BAB 1 : PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

1-2

- 1.1 Organisasi
- 1.2 Jabatan
- 1.3 Kumpulan
- 1.4 Penyataan Masalah

1
1
1
1-2

BAB 2 : SIGNIFIKASI PROJEK DAN PEMBUKTIAN

3-6

- a. Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan/Organisasi
- b. Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh (Stake Holder)
- c. Sejajar Dengan Agenda Dan Matlamat Nasional
- d. Kaitan Dengan Keadaan Dan Ekosistem Semasa
- e. Kaedah Pemilihan Projek Dan Analisis
- f. Penyata Sasaran Outcome Dan Impak

3
3
3-4
4
4-5
5-6

BAB 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN

6-9

- 3.1 Strategi Penyelesaian Kreatif Termasuk Aplikasi Penggunaan Tools
- 3.2 Penghasilan Dan Pengujian Prototaip
- 3.3 Perakuan Daripada Pihak Bertauliah
- 3.4 Pelaksanaan Inovasi

6
7-9
9
9

ISI KANDUNGAN

TAJUK

M / S

BAB 4 : KEBERHASILAN PROJEK

10-14

4.1.a Outcome Projek

10-11

4.1.b Outcome Luar Jangka

11-12

4.2.a Impak Projek

12-13

4.2.b Impak Luar Jangka

13-14

BAB 5 : POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

14-15

5a. Tahap Ketersediaan Teknologi/Sistem/Proses

14-15

5b. Tahap Replikasi Atau Pengkomersialan

15

BAB 6 : PENUTUP

15

LAMPIRAN

1-30



BAHAGIAN 1 : BORANG PENYERTAAN



No :

(Untuk Kegunaan Pejabat)

**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN
AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022**


LATAR BELAKANG KUMPULAN	
Nama Kumpulan	LEX LEGIS
Nama Organisasi	MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (UNDANG-UNDANG)
Alamat	JABATAN UNDANG-UNDANG, ARAS 16, MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH, 55100, SELANGOR.
No Telefon & Faks	03-42857016 / 03-42968060
E - Mel	juu@mpaj.gov.my
Tarikh kumpulan ditubuhkan	13 MAC 2019
Bilangan ahli	9 ORANG
Nama Ketua Kumpulan	MUHAMMAD AFIQ BIN JALI
Nama Ahli	1. RASHIDI BIN ABD RAHIM 2. EMILEY BINTI ADLAN 3. SITI SARAH BINTI MOHD YAHYA 4. ERNIEY BINTI JASUT 5. MUHAMMAD FAIZAL BIN MUHAMMAD ZAINUL 6. ASDAYANTI BINTI ABDULLAH 7. SUZZANA BINTI MOHAMMED 8. ZAINUDDIN BIN MASHURI @ AWI
Nama Fasilitator (sekiranya ada)	EN. JOHARI BIN ATLI
Nama projek	SISTEM e-IP
Bidang inovasi	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
Kategori inovasi	PENCIPTAAN
Tarikh mula projek	13 MAC 2019
Tarikh siap projek	9 SEPTEMBER 2019

PENGESAHAN KETUA JABATAN

Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :

- i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada 10 Mac 2022.
- ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada 10 - 11 Februari 2022.

Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi


21.3.22.

Tarikh :

MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM, SMS
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA

Cop Jabatan / Agensi



PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)

Pengesahan Panel :

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian padadan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Tandatangan Panel Penilai

.....

Nama :

No. Kad Pengenalan:

Jawatan/Gred:

Jabatan/Agensi:

No.Siri:

Tarikh:

The background of the slide is a dark navy blue. It is decorated with a complex network of teal-colored geometric elements. These include solid and dashed lines, circles of various sizes (some with solid teal centers), plus signs, and sets of three parallel lines. Some lines form a triangular shape at the top, while others branch out like circuitry. The overall aesthetic is modern and technical.


BAHAGIAN 2 : RINGKASAN EKSEKUTIF

MAKLUMAT PROJEK	
Tajuk	SISTEM e-IP (SISTEM PENGURUSAN KERTAS SIASATAN ELEKTRONIK)
Bidang	PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN
Kategori	PENCIPTAAN
RINGKASAN PROJEK	
<u>PERMASALAHAN</u> Pengurusan kertas siasatan (IP) merupakan salah satu proses yang penting hasil kesinambungan daripada prosedur pengurusan kompaun dan penguatkuasaan di MPAJ. Setiap kompaun atau notis yang dikeluarkan oleh jabatan berkaitan mempunyai nilai bermula dari RM10.00 hingga RM50,000.00 maksimum dan ia perlu disusuli dengan penyediaan IP sekiranya Orang Kena Kompaun (OKK) tidak menjelaskan bayaran kompaun. Jika tidak, kompaun tersebut akan menjadi suatu tunggakan yang besar. Berdasarkan rekod juga, kutipan hasil bayaran kompaun dan saman juga tidak memberansangkan. Seterusnya terdapat kesukaran dalam proses semakan dan pemantauan kertas siasatan (IP) memandangkan IP disediakan secara manual oleh jabatan-jabatan lain yang berada di pelbagai aras dan melibatkan banyak dokumen yang perlu disediakan dengan tepat terutama apabila kes yang dibawa melibatkan jabatan-jabatan teknikal. Selain itu juga, terdapat kesukaran dalam membuat cetakan dokumen-dokumen pendakwaan dalam kertas siasatan (IP) tersebut yang mana dokumen ini perlu berdasarkan templat yang disediakan pihak Mahkamah. Kegagalan menyediakan IP yang lengkap boleh menyebabkan kes tidak dapat didaftarkan di Mahkamah dan pendakwaan tidak dapat dijalankan. <u>PENYELESAIAN MASALAH</u> Hasil perbincangan kumpulan berdasarkan Kaedah Rajah Ishikawa, Tree Diagram dan SMART mendapati bahawa satu mekanisme bersesuaian bagi memastikan pengurusan kertas siasatan lebih efisien perlu dicipta bagi menyelesaikan masalah yang dinyatakan. Setelah membuat penilaian berdasarkan Analisis SWOT, kumpulan telah mencipta Sistem e-IP (Sistem Pengurusan Kertas Siasatan Secara Elektronik). Tiga (3) kali uji cuba telah dijalankan dan Sistem e-IP telah dipersembahkan pada pengurusan tertinggi MPAJ pada 1 September 2019. <u>PENCAPAIAN OUTCOME</u> • Peningkatan hasil Majlis melalui kutipan kompaun dan saman sebanyak 40% bersamaan RM7 juta. • Peningkatan kualiti penyediaan kertas siasatan yang mana tiada lagi pemulangan kertas siasatan untuk pembetulan selepas e-IP dilaksanakan.	

- Peningkatan tahap kecekapan pegawai penyiasat jabatan yang menyediakan IP sebanyak 80% dengan adanya ruangan templat dan senarai dokumen yang diperlukan telah disediakan.
- Pengurangan tempoh masa penyediaan kertas siasatan kepada 30 minit bagi satu IP.

POTENSI PENGEMBANGAN PROJEK

- Projek ini didaftarkan bagi permohonan paten di MYIPO pada 17 Mac 2022 dengan nombor UI2022001494.
- Manual pengguna serta beberapa taklimat kepada Pegawai Penyiasat jabatan telah dilaksanakan serta arahan penyeragaman telah dikeluarkan.
- Beberapa agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain telah hadir ke MPAJ dan membuat lawatan penanda aras bagi mempelajari sistem tersebut di agensi mereka. iaitu daripada Perbadanan Putrajaya dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri;
- Perbincangan lanjutan bersama pihak Mahkamah Majistret Ampang telah diadakan untuk menghubungkan pautan sistem e-IP ini dengan sistem e-kehakiman yang digunakan di Mahkamah agar proses penyediaan kertas siasatan di MPAJ dapat didaftarkan secara terus ke Mahkamah secara dalam talian.
- Projek ini juga telah menyertai pertandingan MTE Award 2019 bagi Anugerah Khas Covid 19 memandangkan sistem ini boleh diakses apabila bekerja dari rumah.
- Tenaga mahir serta pakej modul latihan juga telah disediakan dan promosi jualan dicadangkan dengan harga RM10,000.00.

The background is a dark navy blue. It is decorated with various teal-colored geometric elements: a large triangle with circles at its vertices, several smaller circles, dashed lines, solid lines, plus signs, and groups of three vertical lines. Some elements resemble circuit board traces or technical diagrams. The title is centered in a white, bold, sans-serif font within a dark rectangular area.

BAHAGIAN: 3 PERINCIAN PROJEK

BAB 1 : PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

1.1 ORGANISASI



Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1992 dengankeluasan 143.5 km² dan terletak dalam dua daerah iaitu daerah Hulu Langat dan daerah Gombak. Terdapat tiga kawasan Parlimen dan lima Dewan Undangan Negeri di MPAJ. Jumlah penduduk di seluruh kawasan pentadbiran MPAJ adalah seramai 595,038 orang dan diketuai oleh seorang Yang Dipertua, MPAJ mempunyai 1100 orang kakitangan. **(Lampiran 1.1)**

1.2 JABATAN

Jabatan Undang-Undang merupakan salah satu jabatan yang penting di MPAJ yang terletak terus di bawah bidang kuasa Yang Dipertua. Fungsi utama Jabatan Undang-Undang adalah dipecahkan kepada lima (5) bahagian utama iaitu Bahagian Pendakwaan, Bahagian Sivil, Bahagian Perjanjian dan Tuntutan Liabiliti Awam, Bahagian Gubalan dan Penyelidikan, Bahagian Advokasi, Kualiti dan Pendidikan serta Bahagian Pentadbiran. **(Lampiran 1.2)**

Salah satu fungsi utama Jabatan Undang-Undang yang diletakkan di bawah Bahagian Pendakwaan adalah menguruskan kertas siasatan (IP) yang diterima daripada jabatan-jabatan dalaman bagi proses pendakwaan di Mahkamah. Fungsi ini adalah berkaitan dengan projek inovasi yang dijalankan oleh kumpulan berkaitan pengurusan kertas siasatan (IP) yang tidak efisien. **(Lampiran 1.3)**

1.3 KUMPULAN

Kumpulan Lex Legis terdiri daripada 9 orang ahli daripada Jabatan Undang-Undang dan telah ditubuhkan pada 13 Mac 2019 **(Lampiran 1.4, 1.5 & 1.6)**. Kumpulan telah bermesyuarat sebanyak 4 kali bagi membincangkan perancangan dan pelaksanaan projek berdasarkan carta perbatuan **(Lampiran 1.7)**. Kumpulan Lex Legis telah menjadi Johan Majlis Persada Inovasi Peringkat MPAJ Tahun 2022, Anugerah Dokumentasi Terbaik dan Anugerah Persembahan Terbaik **(Lampiran 1.8)**. Kumpulan juga telah membawa projek inovasi ini bagi penyertaan di peringkat MTE Award 2019 bagi Anugerah Khas Covid 19 **(Lampiran 1.9)**.

1.4 PENYATAAN MASALAH

Jabatan Undang-Undang merupakan jabatan yang menguruskan kertas siasatan (IP) di MPAJ. Pengurusan kertas siasatan di MPAJ adalah bermula di peringkat jabatan-jabatan dalaman yang terlibat dalam mengeluarkan kompaun di lapangan. Sekiranya kompaun-kompaun tersebut tidak dibayar oleh Orang Kena Kompaun (OKK), maka jabatan-jabatan perlu membuka kertas siasatan (IP) untuk mendakwa Orang Kena Kompaun (OKK) tersebut dan dihantar ke Jabatan Undang-Undang untuk tujuan semakan dan seterusnya menjalankan proses pendakwaan di Mahkamah berdasarkan IP yang disediakan. Setiap keping kompaun yang dikeluarkan mempunyai nilai/denda berdasarkan kesalahan yang dikenakan bermula dari RM10.00 hingga ke RM50,000.00 **(Lampiran 1.10)**. Secara umumnya kumpulan melihat masalah-masalah yang dihadapi adalah dari sudut kutipan hasil, kualiti kerja dan tempoh masa.

Antara masalah yang dihadapi yang pertama adalah kutipan hasil bayaran kompaun dan saman yang tidak memberangsangkan. Salah satu hasil bukan cukai yang perlu dikutip oleh pihak MPAJ adalah kutipan kompaun dan saman mahkamah. Projek inovasi berkaitan pengurusan kertas siasatan ini adalah berkait rapat dengan kompaun yang dikeluarkan di peringkat jabatan lain. Ini kerana semua kompaun yang tidak berbayar perlu diteruskan dengan tindakan kertas siasatan. Dan kertas siasatan yang telah didaftarkan ke Mahkamah akan membolehkan suatu saman diserahkan kepada Orang Kena Kompaun yang gagal menjelaskan kompaun di peringkat awal. Data dan laporan pada tahun 2017, 2018 dan 2019 menunjukkan penurunan kadar kutipan kompaun dan saman. **(Lampiran 1.11)**

Seterusnya, masalah yang kedua adalah terdapat kesukaran dalam proses semakan IP. Proses semakan IP akan disemak oleh Pegawai Pendakwa di Jabatan Undang-Undang. IP-IP yang disediakan oleh jabatan-jabatan akan dihantar ke Jabatan Undang-Undang untuk semakan sama ada IP tersebut lengkap atau sebaliknya dan menentukan adakah IP tersebut boleh diteruskan untuk dibawa bagi proses pendakwaan di Mahkamah. Memandangkan penyediaan IP adalah dibuat di peringkat jabatan-jabatan lain yang berada di pelbagai aras di Menara MPAJ, maka mereka perlu kerap kali berulang ke Jabatan Undang-Undang di Tingkat 16 untuk membolehkan Pegawai Pendakwa menyemak IP mereka. Purata kekerapan ulang alik oleh wakil-wakil jabatan ke Jabatan Undang-Undang adalah 5 kali bagi satu IP.

Masalah yang ketiga adalah kesukaran dalam membuat cetakan IP. Antara dokumen yang diperlukan dalam IP adalah saman, pertuduhan dan pengaduan yang mana ketiga-tiga dokumen ini adalah templat dokumen yang telah ditetapkan oleh pihak Mahkamah. Berdasarkan soal selidik kepada 30 orang Pegawai Penyiasat (IO) yang menyediakan IP di jabatan, seramai 25 orang menyatakan bahawa agak sukar untuk membuat cetakan pada ruangan saman, pertuduhan dan pengaduan tersebut memandangkan ruangan yang agak terhad. **(Lampiran 1.12)**

Masalah yang keempat adalah kesukaran dalam memantau status kertas siasatan (IP). Terdapat 7 jabatan di MPAJ yang terlibat dalam menyediakan IP dan bilangan IP yang disiapkan dan dihantar ke Jabatan Undang-Undang adalah banyak. Pada tahun 2017 sebanyak 1244 IP diterima manakala pada tahun 2018 sebanyak 1163 IP diterima dan pada tahun 2019 sebanyak 988 IP diterima **(Lampiran 1.13)**. Memandangkan IP ini disediakan secara manual maka dengan jumlah sebegitu ia menyukarkan pemantauan status IP tersebut apatah lagi dengan bilangan kakitangan yang tidak ramai.

Masalah yang kelima adalah penyediaan IP secara manual yang lambat dan memerlukan tempoh masa yang agak lama. Penyediaan IP di jabatan-jabatan sebelum ini adalah dilakukan secara manual menggunakan fail dan melibatkan dokumen-dokumen yang banyak dan pelbagai. Sekiranya IP tersebut melibatkan kesalahan teknikal seperti kesalahan bangunan, kesalahan Kebenaran Merancang atau sebagainya dokumen yang terlibat akan lebih rumit melibatkan pelan struktur, pelan lokasi dan sebagainya. Kesannya adalah banyak IP yang perlu dipulangkan semula ke jabatan kerana tidak lengkap, sebanyak 355 IP dipulangkan pada tahun 2017, 373 IP dipulangkan semula pada tahun 2018 dan 210 IP dipulangkan semula pada tahun 2019 **(Lampiran 1.14)** dan purata penyediaan satu IP yang disediakan oleh jabatan-jabatan mengambil masa sehingga 3 jam lamanya.

a. Kaitan Dengan Fungsi Utama Jabatan/Organisasi

Projek inovasi ini dipilih selaras dengan Visi MPAJ iaitu Menjadikan Perbandaran Ampang Jaya Ke Arah Bandar Digital Dan Berdaya Huni Menjelang 2025 memandangkan projek ini adalah melibatkan pembangunan sistem yang menyokong visi bandar digital tersebut **(Lampiran 2.1)**. Selain daripada itu juga, projek inovasi ini berkait rapat dengan fungsi Bahagian Pendakwaan, Jabatan Undang-Undang iaitu melaksanakan pengurusan kertas siasatan, pengurusan pendakwaan dan pengurusan kompaun dan saman. **(Lampiran 2.2)**

Merujuk kepada salah satu indikator di bawah Teras 4, Pelan Strategik MPAJ 2021-2025 **(Lampiran 2.3)** juga menyatakan tindakan membuka kertas siasatan bagi orang yang melakukan kesalahan. Maka projek sistem e-IP ini menyokong usaha yang dinyatakan dalam indikator tersebut.

b. Memenuhi Kehendak Pelanggan Dan Pemegang Taruh (Stake Holder)

Kumpulan telah menggunakan kaedah 5W+1H dalam mengenal pasti siapakah pelanggan dan stake holder yang terlibat dan berdasarkan kaedah 5W+1H maka pelanggan dan pemegang taruh yang dikenal pasti adalah pihak Pengurusan Tertinggi MPAJ yang akan memantau segala pelaporan dari segi kutipan hasil, penerimaan dan penyediaan IP. Seterusnya adalah Pegawai-Pegawai Penyiasat di Jabatan Penguatkuasa, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan, Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar, Jabatan Bangunan dan Senibina, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal selaku mereka yang akan menyediakan IP **(Lampiran 2.4)**. Selain daripada itu juga pihak Mahkamah juga merupakan pelanggan yang terlibat terutama apabila melibatkan proses pendaftaran IP di Mahkamah.

Kumpulan telah menggunakan kaedah soal selidik dalam mengenal pasti kehendak pelanggan **(Lampiran 2.5)**. Soal selidik telah dijalankan kepada 5 orang pihak pengurusan tertinggi, 25 orang pegawai penyiasat jabatan-jabatan dan 3 orang wakil daripada Mahkamah.

Dapatan hasil soal selidik yang telah dijalankan merumuskan kehendak-kehendak yang diperlukan oleh pelanggan adalah seperti berikut :

- Mempercepatkan proses penyediaan IP bagi kompaun-kompaun tertunggak.
- Sistem penyimpanan maklumat IP lebih terjamin.
- Mencari kaedah bagi meningkatkan hasil Majlis melalui kompaun-kompaun tertunggak.
- Menggantikan kaedah manual kepada dalam talian.

c. Sejajar Dengan Agenda Dan Matlamat Nasional

Pelaksanaan projek inovasi ini adalah sejajar dengan Laporan Ketua Audit Negara 2013, Siri 1 pada 7 April 2014 oleh Ketua Audit Negara ketika itu iaitu Tan Sri Ambrin Buang menekankan mengenai kelemahan pengurusan hasil kerajaan berdasarkan petikan berikut *“Selain itu, kelemahan yang dikenalpasti membabitkan pembaziran, kelemahan **pengurusan hasil**, aset kerajaan, **ketidakpatuhan terhadap undang-undang** serta kelemahan pengurusan syarikat kerajaan”*. – Utusan Malaysia (M) Bhd. **(Lampiran 2.6)**

Projek inovasi ini secara atas talian menepati konsep Smart Selangor Mampan 2035 yang digariskan di bawah matlamat ke 8, kerja baik dan pertumbuhan ekonomi dan matlamat ke 9 iaitu industri inovasi dan infrastruktur. **(Lampiran 2.7)**

Pembangunan inovasi ini selaras Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara, berdasarkan 4 teras utama iaitu mempersiapkan rakyat dengan pengetahuan teknologi, membina negara melalui pembangunan infrastruktur digital, menyediakan peraturan dan keperluan masa hadapan supaya fleksibel mengikut perubahan teknologi dan mempercepat inovasi dan penerimaan teknologi. **(Lampiran 2.8)**

d. Kaitan Dengan Keadaan Dan Ekosistem Semasa

Bagi menyokong usaha untuk memastikan pengurusan kertas siasatan menjadi lebih efisien, kumpulan ingin menekankan dua aspek utama yang sering dibincangkan dalam ekosistem semasa iaitu pelaksanaan kerja secara dalam talian dan peningkatan sumber hasil pihak berkuasa tempatan.

Berdasarkan petikan keratan akhbar Bernama.com **(Lampiran 2.9)** dan Utusan **(Lampiran 2.10)** bertarikh 12 Januari 2021 daripada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) iaitu ***“Bicara di Mahkamah terbuka ditangguh Januari 2021 akibat Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP)” dan akan dilaksanakan secara dalam talian dan sidang video.*** Kaitan dengan projek inovasi kumpulan adalah setiap kertas siasatan yang disediakan akan didaftarkan di mahkamah bagi proses sebutan atau bicara. Pengurusan kertas siasatan (IP) dalam talian boleh membantu dalam menyokong pelaksanaan proses bicara di Mahkamah seperti dalam petikan tersebut memandangkan kumpulan juga telah mengadakan perbincangan bagi integrasi sistem ini dengan sistem Mahkamah

Seterusnya, petikan keratan akhbar Astro Awani bertarikh 4 Februari 2018 iaitu ***“PBT digesa cari sumber pendapatan elak defisit”***. Timbalan Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ketika itu Datuk Halimah Mohamed Sadique menyatakan kebergantungan kepada hasil cukai sahaja adalah tidak mencukupi. Maka usaha kumpulan dalam mencipta inovasi ini dapat membantu Majlis dalam meningkatkan hasil melalui bayaran kompaun dan saman yang diserahkan selepas IP dibuat. **(Lampiran 2.11)**

Petikan akhbar Utusan Borneo bertarikh 21 Oktober 2019 iaitu ***“Pihak Berkuasa Tempatan perlu tingkat pendapatan melalui perkhidmatan”*** juga menyokong usaha projek inovasi kerana penguatkuasaan dan tindakan undang-undang merupakan salah satu fungsi utama MPAJ dan idea inovasi ini dapat membolehkan pendapatan dicipta melalui perkhidmatan. **(Lampiran 2.12)**

e. Kaedah Pemilihan Projek Dan Analisis

Berdasarkan kepada petikan ucapan Tuan Yang Dipertua MPAJ, Dato' Abd. Hamid bin Hussain dalam ucapan beliau semasa Perhimpunan Bulanan MPAJ 2019 yang mengkehendaki jabatan-jabatan terlibat meningkatkan pengeluaran kertas siasatan selepas tindakan kompaun atau notis dikeluarkan. Ini adalah susulan daripada laporan penyediaan kertas siasatan yang kurang memberangsangkan dan terdapat jabatan yang tidak menyediakan kertas siasatan. **(Lampiran 2.13)**

Susulan daripada itu, Pengarah Jabatan Undang-Undang MPAJ, En. Johari bin Atli telah mengadakan mesyuarat jabatan dan mengeluarkan satu arahan kepada kakitangan jabatan mencari inisiatif bagi menggiatkan penyediaan kertas siasatan di jabatan-jabatan. **(Lampiran 2.14)**

Melalui sesi perjumpaan dan perbincangan ahli kumpulan telah menetapkan sasaran bahawa masalah berkaitan pengurusan kertas siasatan perlu diatasi. Kumpulan telah menggunakan **kaedah Brainstorming** untuk mengenal pasti faktor utama yang menjadi punca kepada permasalahan tersebut. Dan hasil daripada *brainstorming* yang dijalankan mengenalpasti lima (5) faktor utama yang menjadi punca kepada masalah yang dinyatakan iaitu: **(Lampiran 2.15)**

1. Kekurangan kakitangan;
2. Perkakasan komputer dan mesin pencetak yang tidak mencukupi;
3. Komunikasi antara jabatan yang tidak berkesan;
4. Pengurusan kertas siasatan (IP) tidak efisien;
5. Kompetensi dan kesedaran yang rendah di kalangan jabatan.

Daripada lima (5) faktor tersebut, kumpulan mendapati faktor Pengurusan Kertas Siasatan (IP) Yang Tidak Efisien merupakan faktor utama yang menyebabkan berlakunya masalah berkaitan pengurusan kertas siasatan seperti dalam petikan ucapan Tuan Yang Dipertua MPAJ. Pengurusan kertas siasatan (IP) yang tidak efisien ini merangkumi dari segi penyediaan IP, semakan IP, pemantauan status IP, pelaporan IP dan pendaftaran IP di Mahkamah.

Pembentangan hasil brainstorming berkenaan pengurusan kertas siasatan yang tidak efisien telah dibentangkan kepada Pengarah Jabatan Undang-Undang pada 14 Januari 2019 **(Lampiran 2.16)** dan terdapat kesan negatif jika projek ini tidak dipilih dan antara kesan-kesan negatif nya adalah penyediaan kertas siasatan masih berada di takuk lama, tiada peningkatan hasil Majlis dan tunggakan kompaun lama yang tidak diambil tindakan akan terus meningkat. Akibatnya pendakwaan di Mahkamah tidak dapat dijalankan dan menunjukkan tindakan penguatkuasaan MPAJ kepada orang awam yang melakukan kesalahan adalah lemah. Surat kelulusan projek telah diperolehi pada 13 Mac 2019 **(Lampiran 2.17)**

f. Penyata Sasaran Outcome Dan Impak

Bagi menentukan sasaran outcome dan impak

Sasaran outcome dan impak kumpulan adalah tertumpu kepada penyataan masalah yang dinyatakan iaitu dari segi peningkatan hasil, peningkatan kualiti pengurusan IP (IP yang dipulangkan bagi tindakan pembetulan dan dokumentasi) dan mengurangkan tempoh masa penyediaan IP. Pertamanya, kumpulan telah membuat penanda aras dengan empat (4) pihak berkuasa tempatan iaitu Perbadanan Putrajaya, Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Majlis Bandaraya Seremban dan Majlis Perbandaran Segamat. Berdasarkan penanda aras tersebut purata peningkatan hasil bagi kompaun tertunggak dan saman adalah sebanyak 25% bagi setiap tahun. Purata penerimaan IP setahun adalah 1500 IP. Bilangan IP yang dipulangkan ke jabatan bagi tindakan pembetulan adalah 55% daripada IP yang diterima. Purata tempoh masa penyediaan bagi satu IP adalah 4 jam. **(Lampiran 2.18)**

Susulan daripada itu, kumpulan telah menggunakan teknik SMART bagi membuat penetapan sasaran outcome dan impak projek. Berdasarkan teknik SMART tersebut sasaran outcome yang ditetapkan oleh kumpulan adalah seperti berikut: **(Lampiran 2.19)**

1. Kutipan hasil Majlis bagi kompaun dan denda meningkat sebanyak 40%.
2. Bilangan kertas siasatan (IP) yang dipulangkan ke jabatan bagi tindakan pembetulan menurun sebanyak 70%.
3. Bilangan penyediaan IP meningkat sebanyak 2000 IP setahun.
4. Tempoh penyediaan bagi 1 IP adalah satu jam.

Berikut merupakan sasaran impak kumpulan:

1. Kutipan hasil Majlis bagi kompaun dan denda meningkat sebanyak 50%.
2. Tiada lagi kertas siasatan (IP) yang perlu dipulangkan ke jabatan bagi tindakan pembetulan.
3. Tempoh penyediaan kertas siasatan (IP) adalah 20 minit bagi 1 IP.

BAB 3 : TINDAKAN PENYELESAIAN

3.1 STRATEGI PENYELESAIAN KREATIF TERMASUK APLIKASI PENGGUNAAN TOOLS

Di dalam mencari penyelesaian masalah projek secara kreatif, punca masalah dikenalpasti terlebih dahulu dengan menggunakan **kaedah Rajah Ishikawa (Lampiran 3.1)** maka antara punca masalah yang dikenal pasti adalah kesukaran dari segi penyediaan dan pemantauan kertas siasatan.

Seterusnya melalui **kaedah Tree Diagram**, kumpulan telah mengenal pasti beberapa alternatif penyelesaian kreatif bagi mengatasi masalah yang dinyatakan (**Lampiran 3.2**). Berikut merupakan cadangan penyelesaian yang dikenal pasti:

- a) Memberi latihan kepada Pengurusan Tertinggi dan Pegawai Penyiasat Jabatan-Jabatan untuk meningkatkan kompetensi dan kemahiran dalam penyediaan kertas siasatan.
- b) Mencipta satu mekanisme yang bersesuaian bagi memastikan pengurusan kertas siasatan lebih efisien.
- c) Menambah perkakasan seperti komputer dan mesin pencetak bagi mempercepatkan proses penyediaan IP.
- d) Menyediakan templat dokumen-dokumen penyediaan IP.

Berpanduan kepada tiga (3) cadangan penyelesaian tersebut, kumpulan telah menggunakan **kaedah SMART** bagi membuat penilaian terhadap ketiga-tiga cadangan penyelesaian tersebut dan cadangan penyelesaian untuk mencipta mekanisme yang bersesuaian bagi memastikan pengurusan kertas siasatan lebih efisien telah diterima oleh kumpulan. (**Lampiran 3.3**)


Kumpulan juga seterusnya menggunakan **Analisis SWOT (Lampiran 3.4)** bagi melihat kepada kelebihan dan kekurangan idea yang telah dipilih berdasarkan kaedah SMART di atas dan berdasarkan analisis tersebut kumpulan telah memilih cadangan penyelesaian melalui penciptaan satu mekanisme yang bersesuaian bagi memastikan pengurusan kertas siasatan yang lebih efisien yang dinamakan sebagai **Sistem Pengurusan Kertas Siasatan Elektronik atau pun dikenali sebagai Sistem e-IP**. Carta perbatuan bagi penciptaan inovasi ini adalah berdasarkan kepada **PDCA** seperti di **Lampiran 3.5**

3.2 PENGHASILAN DAN PENGUJIAN PROTOTAIP

Pada peringkat awal, kumpulan telah menetapkan pelan pelaksanaan bagi pembangunan Sistem e-IP terlebih dahulu (**Lampiran 3.6**) dan seterusnya kumpulan menetapkan beberapa kriteria yang diperlukan dalam penghasilan Sistem e-IP seperti dalam jadual di **Lampiran 3.7**.


Seterusnya kumpulan telah membuat prototaip iaitu carta alir pengurusan IP sebelum Sistem e-IP ini dibangunkan bagi melihat ruang yang boleh diperbetulkan. (**Lampiran 3.8**). Selepas perbincangan ahli kumpulan berdasarkan carta alir tersebut maka kumpulan telah menyediakan Prototaip 1 seperti berikut:

Prototaip 1 (Tempoh masa pengujian 17 hingga 30 Jun 2019)

BIL	GAMBAR RAJAH	CATATAN
1.		Paparan dashboard menunjukkan pergerakan IP iaitu paparan IP dibuka, IP yang dihantar untuk semakan, IP yang lengkap dan IP yang dikembalikan.
2.		Paparan IP yang belum disemak dan perlukan tindakan
3.		Mempunyai pelaporan penuh mengikut status IP dan bilangan IP yang disediakan mengikut jabatan.
4.		Mempunyai senarai semak dokumen yang diperlukan dalam IP.

Setelah kumpulan menjalankan **Ujicuba 1** pada 17 hingga 30 Jun 2019 mendapati tempoh masa penyediaan bagi 1 IP adalah 2 jam dan **kelemahan yang ditemui adalah ruangan cetakan pada dokumen saman dan pertuduhan tidak mencukupi dan tiada menu bagi semakan atau view.**

Prototaip 2 (Tempoh masa pengujian 15 hingga 30 Julai 2019)

BIL	GAMBAR RAJAH	CATATAN
1.		Penambahbaikan yang dibuat adalah dengan menambah ruangan untuk menaip pada kertas saman dan pertuduhan.
2.		Ruangan untuk view dan menu berkaitan status IP tersebut pada setiap IP yang disediakan dalam sistem.

Setelah kumpulan menjalankan **Ujicuba 2** pada 15 hingga 30 Julai 2019 mendapati tempoh masa penyediaan bagi 1 IP adalah 1 jam 30 minit dan **kelemahan yang ditemui adalah kesukaran pada cetakan dokumen kerana tidak mengikut templat Mahkamah**

Prototaip 3 (Tempoh masa pengujian 19 hingga 30 Ogos 2019)

BIL	GAMBAR RAJAH	CATATAN
1.		Penambahbaikan yang dibuat adalah dengan memasukkan templat Mahkamah iaitu saman, pertuduhan dan pengaduan.

Setelah kumpulan menjalankan **Ujicuba 3** pada 19 hingga 30 Ogos 2019 mendapati tempoh masa penyediaan bagi 1 IP yang lengkap adalah 30 minit makanya **ujicuba yang dijalankan adalah BERJAYA**. Rumusan pencapaian ujicuba-ujicuba yang dijalankan adalah seperti di **Lampiran 3.9**. Prototaip Sistem e-IP pula adalah seperti di **Lampiran 3.10**. Setelah uji cuba telah berjaya satu persembahan kepada Tuan Yang Dipertua pada 1 September 2019 dan beliau amat berpuas hati dengan projek inovasi kumpulan (**Lampiran 3.11**). Rujuk lampiran memo panggilan bengkel dan di **Lampiran 3.12** Rujuk lampiran kepuasan pelanggan selepas uji cuba **Lampiran 3.13**.

Selepas sistem ini diseragamkan penggunaan pada September 2019, terdapat beberapa agensi yang telah memohon untuk mengadakan lawatan penanda aras dan mempelajari sistem e-IP ini seperti Majlis Bandaraya Iskandar Puteri, Perbadanan Putrajaya dan Majlis Bandaraya Seremban. Hasil daripada lawatan penanda aras yang diadakan mendapati terdapat beberapa idea dan penambahbaikan yang boleh ditambah baik iaitu Sistem e-IP boleh dihubungkan terus melalui sistem pengurusan kompaun iaitu sistem e-PBT. Sehubungan itu, ahli kumpulan telah bersetuju untuk menambah baik sistem ini kepada Sistem e-IP 2.0 dengan menambah menu *auto insert* daripada Sistem e-PBT iaitu sistem maklumat kompaun yang diguna pakai di MPAJ. Satu bengkel penambahbaikan sistem e-IP ini telah diadakan pada 13 Mac 2020 bagi membincangkan penambahan modul *added value* tersebut kepada pegawai penyiasat jabatan. Perbandingan prototaip bagi Sistem e-IP 1.0 dan 2.0 adalah seperti di **Lampiran 3.14**.

3.3 PERAKUAN DARIPADA PIHAK BERTAULIAH

Kumpulan juga telah mendapatkan perakuan daripada Pegawai Keselamatan Maklumat MPAJ (CGSO) bahawa sistem ini mematuhi kehendak Dasar Keselamatan ICT MPAJ 3.0. (**Lampiran 3.15**) dan juga perakuan daripada Syarikat Fourraces Sdn Bhd yang merupakan syarikat dalam bidang teknologi maklumat dan pembangunan sistem bagi memperakukan bahawa sistem ini adalah selamat, sulit dan terkawal serta efisien. **Lampiran 3.16**.

3.4 PELAKSANAAN INOVASI

Selepas pembangunan Sistem e-IP, kumpulan telah mengadakan siri taklimat dan bengkel penggunaan Sistem e-IP telah pun dijalankan kepada jabatan-jabatan dalaman pada 17 Jun 2019 dan bengkel penambahbaikan diadakan pada 13 Mac 2020. (**Lampiran 3.17**). Manual penggunaan sistem ini telah disediakan dan diedarkan ke jabatan-jabatan. **Lampiran 3.18**. Sistem ini juga telah diseragamkan penggunaannya bagi penggunaan jabatan-jabatan yang menyediakan kertas siasatan pada 9 September 2019 (**Lampiran 3.19**)



Projek ini telah melalui fasa perbincangan dengan pihak MyIPO melalui syarikat yang dilantik MPAJ iaitu Adastra Sdn. Bhd. untuk dipatenkan dan dokumen penyediaan bagi proses pendaftaran paten telah pun disediakan **Lampiran 3.20**

Beberapa agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain telah hadir ke MPAJ dan membuat lawatan penanda aras bagi mempelajari dan mengguna pakai sistem tersebut di agensi mereka iaitu Perbadanan Putrajaya dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri. **Lampiran 3.21**

BAB 4 : KEBERHASILAN PROJEK

4.1 OUTCOME PROJEK

4.1.a. PENCAPAIAN OUTCOME DAN PEMBUKTIAN

a) PENINGKATAN HASIL MAJLIS SEBANYAK 40%

Pemprosesan IP melalui sistem e-IP telah meningkatkan penghasilan IP. Situasi ini menyebabkan banyak kompaun tertunggak diteruskan dengan tindakan penyediaan IP. Secara pembuktian, rujuk Graf perbandingan jumlah kutipan hasil bayaran kompaun (RM) bagi tahun 2019 dan 2020 mengikut bulan (**lampiran 4.1**). Pada tahun 2019 kutipan bayaran kompaun hanya mewakili RM5 juta daripada jumlah kutipan hasil keseluruhan. **Hasil kutipan bayaran kompaun pada tahun 2020 adalah sebanyak 7 juta iaitu peningkatan sebanyak 40%**. Nilai ini menunjukkan kejayaan sistem e-IP dalam meningkatkan hasil Majlis. Kutipan hasil Majlis yang tinggi akan dimanfaatkan dalam penyediaan infrastruktur dan kemudahan untuk Warga Ampang Jaya.

b) PENINGKATAN KUALITI PENYEDIAAN IP SEBANYAK 80%

Semenjak sistem e-IP dilaksanakan, kualiti dalam penyediaan IP yang disediakan oleh jabatan-jabatan semakin meningkat dan kesalahan dalam penyediaan IP oleh IO telah berkurang sebanyak 70% selepas pelaksanaan sistem e-IP. Indikator ini diambil kira dengan perbandingan jumlah IP yang dipulangkan semula kepada IO kerana tidak lengkap dan memerlukan pembetulan. Data perbandingan tersebut boleh dirujuk melalui Graf perbandingan pemulangan kertas siasatan kepada pegawai penyiasat untuk pembetulan bagi tahun 2019 dan 2020 mengikut bulan (**lampiran 4.2**). Selain itu, menurut Carta perbandingan jumlah purata pusingan pegawai penyiasat perlu melaksanakan pembetulan sehingga IP lengkap bagi tahun 2018 dan 2019 mengikut bulan di (**lampiran 4.3**) menunjukkan bahawa **ratio pembetulan bagi satu IP selepas pelaksanaan sistem e-IP ini adalah 1:1 berbanding 1:5 sebelum ia dilaksanakan iaitu 80%**. Bermakna bagi 1 IP hanya 1 kali pembetulan atau tiada pindaan perlu dibuat berbanding sebelum pelaksanaan e-IP iaitu sebanyak 5 kali.

c) PENINGKATAN KECEKAPAN MEMUDAHKAN PROSES PENYEDIAAN IP SEBANYAK 80%

Hasil daripada penggunaan sistem e-IP telah menyelesaikan beberapa permasalahan pokok bagi proses penyediaan IP. **Ruangan pengisian bertemplat** yang mudah serta cetakan yang mengikuti templat tersebut secara automatik (**rujuk lampiran 4.4**) berjaya menyelesaikan masalah cetakan yang tidak kemas dan terhad. Seterusnya, sistem semakan secara dalam talian yang mudah dengan **paparan muka yang menarik telah memudahkan proses semakan** apabila segala proses tersebut dapat dilaksanakan secara dalam talian sahaja tanpa perlu bersemuka secara fizikal (**rujuk lampiran 4.5**). Ciri-ciri pemantauan telah dibangunkan dalam sistem e-IP. Kod warna memberikan perbezaan status kes. **Berikut merupakan panduan kod warna dan status kes (rujuk lampiran 4.6)** :

- Kod warna biru : Kes yang telah dibuka
- Kod warna hijau : Kes yang telah diluluskan
- Kod warna kuning : Kes yang telah dihantar ke Jabatan undang-Undang untuk Disemak
- Kod warna merah : Kes yang dikembalikan bagi tujuan pembetulan

Satu soal selidik telah dilaksanakan kepada IO dan Pegawai Pendakwa, berkenaan **Kecekapan Pengurusan IP Pegawai Penyiasat dan Pegawai Pendakwa menyaksikan peningkatan 80%**

kecekapan perbandingan bagi keputusan sebelum dan selepas penyediaan IP (**rujuk lampiran 4.7**)
d) PENGURANGAN TEMPOH MASA PENYEDIAAN IP KEPADA 30 MINIT

Melalui hasil uji cuba yang telah dilaksanakan menunjukkan bahawa masa penyediaan sesebuah IP **dapat dikurangkan daripada 3 jam kepada 30 minit bagi satu IP (lampiran 4.8)** melalui pelaksanaan sistem e-IP. Secara relatifnya, melalui sistem e-IP kita dapat menyiapkan 6 IP berbanding 1 IP jika dilaksanakan secara manual dalam tempoh 3 jam . Pengurangan masa bagi penyediaan sesebuah IP ini menunjukkan cara sistem kerja yang lebih efisien dan efektif dalam pelaksanaan proses penyediaan IP.

4.1.b. FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA) OUTCOME

a) PEMUDAHCARA KOMUNIKASI ANTARA PEGAWAI PENYIASAT DAN PEGAWAI PENDAKWA (PO)

Sebelum penggunaan sistem e-IP komunikasi antara pegawai penyiasat dan penyemak IP adalah dalam bentuk bersemuka, telefon dan email. Penggunaan medium tersebut kadang kala mewujudkan salah faham dalam komunikasi dan emosi. Melalui sistem e-IP dapat memudahkan jurang komunikasi antara pegawai penyiasat dan penyemak IP apabila pegawai penyiasat boleh lebih memahami pembetulan yang perlu dilakukan dengan hanya menyemak sistem pembetulan yang tersedia dan tidak perlu lagi bersemuka. Situasi ini mengurangkan krisis dan menjimatkan masa serta tenaga IO dan Pegawai Penyemak IP. Ini dapat dibuktikan melalui hasil kajian soal selidik (**rujuk lampiran 4.9**).

b) MENINGKATKAN HUBUNGAN KERJASAMA ANTARA MAJLIS DAN PIHAK MAHKAMAH

Peningkatan jumlah IP yang dihantar ke Mahkamah telah mengeratkan kerjasama antara pihak Mahkamah dan pihak Jabatan serta Majlis dalam pemprosesan IP. Cetusan daripada pelaksanaan sistem e-IP telah membuka mata kedua pihak iaitu Jabatan dan Mahkamah dalam peluang-peluang baharu yang boleh di terokai. Oleh yang demikian, aplikasi sistem e-IP di peringkat Majlis telah membuka pintu-pintu perbincangan bagi menghubungkan sistem e-IP dengan sistem e-Kehakiman (**rujuk lampiran 4.10**).

c) MEWUJUDKAN SUASANA KERJA YANG LEBIH TENANG DAN EFEKTIF

Sebelum penggunaan sistem e-IP, suasana kerja bagi bahagian yang memproses IP di jabatan adalah dalam keadaan yang serabut, sesak dan stress. Ini adalah kerana beban kerja yang berat oleh kerana banyak permohonan semakan IP yang diterima dan tempoh masa yang lama bagi menyemak suatu IP. Oleh yang demikian, ramai kakitangan yang terpaksa pulang lewat dan kepenatan. Selain itu, keadaan fail yang bersepah di meja dan longgokan fail IP di lantai adalah antara scenario yang biasa dilihat bagi bahagian yang dipertanggungjawabkan dalam pemprosesan IP (**rujuk lampiran 4.11**). Namun demikian selepas pelaksanaan sistem e-IP emosi dan fizikal kakitangan semakin baik dan keadaan meja kakitangan mula kelihatan kemas serta tiada lagi longgokkan fail di lantai. Ini dapat dibuktikan melalui perbandingan hasil soal selidik kajian kepuasan kerja kakitangan yang terlibat dalam pemprosesan IP dalam pemprosesan IP sebelum dan selepas pelaksanaan e-IP (**rujuk lampiran 4.12**).

d) MEWUJUDKAN SISTEM KERJA YANG MEMPUNYAI DAYA TAHAN YANG TINGGI TERHADAP SITUASI LUAR JANGKA (COVID 19).

Pandemik Covid-19 telah melanda dunia sejak tahun 2020. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan mengehadkan pergerakan manusia bagi membendung penularan Covid-19 (**rujuk lampiran 4.13**). Majoriti pekerja terpaksa berkerja dari rumah (BDR), situasi ini telah mewujudkan suatu norma baharu dalam pelaksanaan kerja dan kehidupan seharian. Oleh yang demikian, bagi tidak ketinggalan dalam arus semasa, semua pekerja harus lebih kreatif dan inovatif bagi memastikan pekerjaan dan khidmat tidak terjejas. Jabatan undang-undang telah menjadikan sistem e-IP sebagai batu lonjatan untuk terus menyampaikan khidmat kepada rakyat walaupun dalam keadaan PKP. Sistem e-IP yang boleh diakses di mana sahaja dan pada bila-bila masa telah menjadikan tugas pemprosesan IP tidak terjejas walaupun sewaktu PKP dilaksanakan. Carta berikut menunjukkan jumlah IP yang berjaya di proses sebelum dan semasa PKP dilaksanakan (**rujuk lampiran 4.14**).

e) MENGURANGKAN KOS OPERASI (PENAMBAHAN KAKITANGAN)

Sebelum adanya perancangan bagi membangunkan sistem e-IP. Pihak jabatan telah memohon seorang pembantu tadbir dan seorang penolong pegawai undang-undang bagi membantu menyelesaikan proses penyediaan dan IP. Namun demikian, akibat kekangan kos, permohonan tersebut ditolak oleh pihak pengurusan MPAJ (**rujuk lampiran 4.15**).

Namun demikian, setelah idea bagi membangunkan sistem e-IP diketengahkan, pihak Jabatan melihat bahawa tiada keperluan bagi menambah kakitangan. Ini adalah kerana sistem ini mampu meningkatkan kecekapan proses penyediaan dan IP serta sangat menjimatkan berbanding kaedah penambahan kakitangan dengan penjimatan sebanyak 95% kerana dilaksanakan secara pembangunan dalaman oleh bahagian ICT. Dapatan ini adalah melalui carta (**rujuk lampiran 4.16**) dengan perbandingan kos sebut harga daripada sebuah syarikat pembangunan sistem (**rujuk lampiran 4.17**). serta rujukan tangga gaji melalui laman web Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (**rujuk lampiran 4.18**)

4.2 IMPAK PROJEK

4.2.a PENILAIAN IMPAK DAN PEMBUKTIAN

a) PENINGKATAN HASIL MAJLIS SEBANYAK 50%

Data yang dicerap daripada tahun 2017-2021 bersumber daripada minit mesyuarat kewangan Majlis menunjukkan suatu peningkatan yang memberangsangkan dari aspek hasil Majlis. Secara keseluruhan peningkatan hasil kutipan kompaun adalah 50% lebih tinggi berbanding sebelum pelaksanaan e-IP dengan kutipan kompaun (**rujuk lampiran 4.19**)

b) PENINGKATAN KUALITI PENYEDIAAN IP

Dalam tempoh dua tahun kakitangan Majlis semakin mahir dalam penggunaan sistem e-IP. Oleh yang demikian hasil pemantauan mendapati kualiti penyediaan IP juga semakin meningkat. Merujuk data yang dicerap mendapati bahawa pada tahun 2021 tiada IP yang disemak perlu dipulangkan semula disebabkan kecekapan pegawai IO dalam mengisi dan menggunakan sistem e-IP (**rujuk lampiran 4.20**)

c) PENGURANGAN TEMPOH MASA PENYEDIAAN IP KEPADA 20 MINIT

Kecekapan penggunaan sistem e-IP oleh kakitangan jabatan dan pegawai IO Majlis telah mengurangkan lagi tempoh penyediaan IP daripada 30 minit sewaktu sesi uji cuba kepada 20 minit pada tahun 2021. Perkara ini merupakan suatu pencapaian yang baik. Kini dalam tempoh 3 jam kakitangan mampu menghasilkan 9 IP berbanding 6 IP sewaktu tempoh uji cuba di awal pembangunan sistem (**rujuk lampiran 4.21**)

d) MENINGKATKAN KESELAMATAN DATA IP

Pihak kumpulan telah mengumpul data kes pencerobohan, kebocoran dan kehilangan data IP daripada tahun 2017-2021. Menurut statistik yang telah dikumpul didapati bahawa secara tidak langsung setelah pelaksanaan sistem e-IP secara menyeluruh tiada lagi kes pencerobohan, kebocoran dan kehilangan data IP direkodkan (**rujuk lampiran 4.22**).

Ini menunjukkan perakuan keselamatan yang telah didapati daripada syarikat pembangunan sistem iaitu Fouraces Resources Sdn Bhd adalah sahih dan terbukti keselamatannya (**rujuk lampiran 4.23**). Dua lapisan keselamatan kata laluan dan ID pengguna menjadi suatu benteng kukuh bagi menghalang sebarang bentuk pencerobohan data daripada pihak yang tidak bertanggungjawab.

4.2.b. FAEDAH SAMPINGAN (LUAR JANGKA) IMPAK

a) PENGGUNAAN RUANG YANG LEBIH KONDUSIF

Setelah setahun beradaptasi dengan aplikasi sistem e-IP pihak kumpulan mendapati bahawa sistem ini mampu memberikan manfaat dari pada aspek penggunaan ruang pejabat yang lebih kondusif. Antara transformasi yang ketara yang telah dikenalpasti ialah dari aspek penggunaan ruang bilik fail. Pengurangan fail disebabkan segala data disimpan di dalam sistem e-IP menyebabkan ruang bilik fail yang menempatkan fail IP dapat di transformasikan kepada bilik rakaman bagi menjalankan aktiviti jabatan (**rujuk lampiran 4.24**).

b) MENINGKATKAN KADAR CELIK DAN MINAT IT DALAM KALANGAN KAKITANGAN MPAJ

Satu kaji selidik telah dibuat kepada kakitangan jabatan dan IO bagi mengenalpasti minat dan kefahaman terhadap adaptasi kepada teknologi semasa. Berdasarkan kaji selidik tersebut dilihat minat dan penerimaan kakitangan dan IO meningkat selepas penggunaan sistem e-IP berbanding sebelum pelaksanaan e-IP (**rujuk lampiran 4.25**).

c) MENINGKATKAN KESEDARAN PENDUDUK UNTUK MEMBAYAR KOMPAUN

Menerusi penggunaan sistem e-IP, penghasilan IP semakin meningkat. Ini menyebabkan banyak kompaun tertunggak telah berjaya di proses kepada IP. Notis panggilan ke Mahkamah akan dihantar kepada Orang Kena Kompaun (OKK). Apabila OKK mendapat panggilan ke mahkamah kebiasaannya OKK akan lebih memilih untuk menyelesaikan kompaun tertunggak tersebut daripada hadir ke Mahkamah. Situasi ini secara tidak langsung telah meningkatkan kesedaran penduduk untuk membayar kompaun (**rujuk lampiran 4.26**).

d) MENGURANGKAN KOS OPERASI JABATAN (KOS KERJA LEBIH MASA)

Sebelum penggunaan e-IP kakitangan perlu melaksanakan kerja lebih masa bagi menyelesaikan sasaran IP setiap bulan. Namun demikian setelah perlaksanaan sistem e-IP kakitangan tidak lagi perlu melaksanakan kerja lebih masa. Ini adalah kerana tempoh masa pemprosesan IP telah dikurangkan dan kakitangan dapat menyelesaikannya dalam waktu pejabat. Ini dapat dibuktikan melalui carta kos kerja lebih masa kakitangan bahagian pendakwaan mengikut tahun (**rujuk lampiran 4.27**).

e) MENGURANGKAN PENGGUNAAN SUMBER JABATAN (KOS PENGGUNAAN KERTAS DAN KATRIJ TONA MESIN FOTOSTAT)

Ciri-ciri sistem e-IP yang melaksanakan segalanya secara dalam talian tanpa perlu mencetak telah menjimatkan penggunaan kertas sebanyak 70%. ini adalah berdasarkan carta perbandingan yang telah dibuat semasa menjalankan proses penyediaan dan IP secara manual dan menggunakan sistem e-IP (**rujuk lampiran 4.28**).

BAB 5 : POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI

5a. TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI / SISTEM / PROSES

a) MANUAL PENGGUNA

Sedar akan kepentingan manual pengguna dalam aplikasi sesebuah sistem. Sistem e-IP dilengkapi dengan manual pengguna yang lengkap dengan ilustrasi dan nota kaki tips penggunaan bagi memudahkan pengguna (**rujuk lampiran 5.1**).

b) TENAGA MAHIR

Memandangkan sistem ini dibangunkan secara dalaman (in-house), maka terdapat tenaga mahir yang bersedia bagi menghadapi sebarang permasalahan yang dihadapi oleh pengguna atau agensi luar sekiranya sistem ini dijual kelak. Tenaga mahir ini terdiri daripada kakitangan Bahagian ICT yang berjumlah 10 orang (**rujuk lampiran 5.2**).

c) PAKEJ MODUL LATIHAN DAN KHIDMAT SELEPAS JUALAN

Rancangan promosi produk ini, bukan sahaja melibatkan penjualan produk ini secara sendiri namun dilengkapi dengan pakej latihan, panduan muat turun dan khidmat tenaga mahir selepas jualan secara percuma sekiranya ada sebarang masalah sepanjang setahun penggunaan sistem. Modul latihan ini lengkap dengan panduan penggunaan setiap ciri-ciri yang terdapat dalam sistem e-IP berkenaan (**rujuk lampiran 5.3**). Tenaga Pengajar adalah terdiri daripada ahli kumpulan Lex Legis dan juga pembangun sistem daripada bahagian ICT. Setiap modul latihan akan dilaksanakan secara tiga sesi iaitu sesi demonstrasi, pengajaran dan latihan amali. Bagi khidmat selepas jualan pula, sekiranya, sepanjang setahun pembelian sistem tersebut terdapat sebarang masalah, maka tenaga pakar akan memberikan bantuan dalam tempoh 24 jam selepas permohonan bantuan diterima.

d) KETERSEDIAAN EKOSISTEM TEKNOLOGI

Berdasarkan aspek ketersediaan ekosistem teknologi. Sistem ini hanya memerlukan talian internet

dan komputer bagi menjalankan operasi. Ketersediaan ekosistem teknologi bagi aplikasi sistem e-IP dilihat mudah dan telah tersedia bagi kebanyakan pejabat. Berikut merupakan senarai teknologi yang diperlukan bagi menjalankan sistem e-IP **(rujuk lampiran 5.4)** Oleh yang demikian, sistem ini secara keseluruhannya adalah sesuai dan boleh digunakan oleh semua agensi dan dimana sahaja Kawasan yang mempunyai talian internet.

5b. TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN

a) KESERAGAMAN SISTEM

Projek ini telah pun berada di tahap yang bersedia kerana dari segi pengembangan projek ia telah pun digunakan dan diseragamkan di peringkat MPAJ pada 9 SEPTEMBER 2019 **(rujuk lampiran 5.5)**

b) PATEN

Projek ini telah melalui fasa perbincangan dengan pihak MyIPO melalui syarikat yang dilantik MPAJ iaitu Adastra Sdn. Bhd. untuk dipatenkan dan dokumen penyediaan bagi proses pendaftaran paten telah pun disediakan. Projek ini telah berjaya dipatenkan pada 17 Mac 2022 dengan nombor paten IPOL 20220000000 18640 **.(rujuk lampiran 5.6).**

(rujuk lampiran 5.6).

c) PENANDA ARAS DARIPADA AGENSI LUAR

Beberapa agensi dan Pihak Berkuasa Tempatan yang lain telah hadir ke MPAJ dan membuat lawatan penanda aras bagi mempelajari dan menggunakan sistem tersebut di agensi mereka. Antara agensi tersebut adalah Perbadanan Putrajaya dan Majlis Bandaraya Iskandar Puteri **(rujuk lampiran 5.7).**

d) ANUGERAH DAN PENCAPAIAN

Pada 12 Oktober 2020 Kumpulan telah menyertai Malaysian Technology Expo yang diadakan secara dalam talian **(rujuk lampiran 5.8).** Dalam Expo ini sistem e-IP telah mendapat pengiktirafan sebuah sistem yang mampu membantu dalam penyelesaian tugas semasa Pandemik Covid 19. Projek ini juga telah menjadi Juara, Dokumentasi Terbaik dan Persembahan Terbaik pada Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat MPAJ**(rujuk lampiran 5.9).**

e) PROMOSI PENJUALAN

